

U B284 DEB
PM - PERUBAHAN R R R

KOTA BAHARU, 28 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIRMOHAMAD BERKATA RAKYAT KHUSUSNYA PENDUDUK LUAR BANDAR MESTI BERANI MENGHADAPI PERUBAHAN DAN MENYESUAIKAN DIRI DENGAN PERMODENAN BAGI MEWUJUDKAN MASYARAKAT DESA YANG LEBIH MAJU, MEWAH DAN MAKMUR.

BELIAU BERKATA MASYARAKAT YANG TIDAK INGIN ATAU TIDAK BERANI MENERIMA PERUBAHAN MULAI SEKARANG PASTI TIDAK AKAN MENCAPAI KEMAJUAN DAN AKAN KETINGGALAN SELAMA-LAMANYA KERANA DUNIA SEKARANG SEDANG PESAT BERKEMBANG DAN MASYARAKAT LAIN SUDAH LAMA MAJU.

+KEUPAYAAN MENGHADAPI DAN KESANGGUPAN MENERIMA PERUBAHAN MERUPAKAN FAKTOR PENTING MENENTUKAN KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN SESEBUAH MASYARAKAT,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PROJEK SAWAH BERSEPADU MULONG-LATING, DI MULONG DEKAT SINI LEWAT PETANG INI.

+KEHIDUPAN YANG MAJU, LEBIH BAIK DAN SEMPURNA TIDAK MUNGKIN DAPAT DICAPAI DENGAN MENGEKALKAN CARA-CARA LAMA DAN KOLOT KHUSUSNYA DALAM MENGUSAHAKAN SAWAH BENDANG KERANA CARA-CARA PERTANIAN TRADISI TIDAK BOLEH MEMBERIKAN PENGHASILAN YANG MAKSIMUM,+ KATANYA.

MENURUT PERDANA MENTERI KEMUNDURAN HANYA MENDEKATKAN RAKYAT KEPADA KEHINAAN SEDANGKAN TIDAK ADA LAGI RAKYAT YANG MAHU DIPANDANG HINA TETAPI SEBALIKNYA SETIAP ORANG MAHU DIPANDANG SAMA TARAF DENGAN ORANG LAIN. -- LAGI.

2103MST 28 03 86

U B285 DEB
PM - PERUBAHAN 2 KOTA BAHARU R R R

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KERANA ITULAH BELIAU MAHU SETIAP RAKYAT BERANI MENGHADAPI CABARAN PERUBAHAN DAN MENANAM KEYAKINAN DALAM DIRI MASING-MASING BAHAWA MEREKA BOLEH BERUSAHA SENDIRI UNTUK MENCAPAI KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK.

+PERTANYAAN SERING DIAJUKAN MENGENAI KEMISKINAN HIDUP PENDUDUK LUAR BANDAR, APAKAH DISEBABKAN OLEH TANAH YANG DIUSAHAKAN TIDAK SUBUR ATAU APAKAH KERANA CARA MEREKA MENGUSAHAKAN TANAH ITU TIDAK BETUL DAN TIDAK SESUAI SEHINGGA TIDAK MENCAPAI PENGHASILAN MAKSIMUM.+

BELIAU BERKATA KAJIAN YANG DIBUAT DARI SEMASA KE SEMASA MENDAPATI PUNCANYA IALAH TERDAPAT BANYAK AMALAN YANG TIDAK SESUAI (MENGENAI CARA MENGUSAHAKAN TANAH ITU) DAN SIKAP MASYARAKAT LUAR BANDAR YANG SELALUNYA MUDAH BERPUAS HATI DAN BERASA CUKUP DENGAN APA YANG ADA SEDANGKAN SIKAP DAN CARA ITU TIDAK SESUAI LAGI PADA ZAMAN MODEN INI.

TEGASNYA, SETIAP ORANG PERLUJAH JUGA MENYEDARI BAHAWA TUNTUTAN HIDUP ZAMAN DULU DAN SEKARANG SUDAH BERBEZA DAN MEREKA HENDAKLAH MEMPERBAIKI NASIB TERMASUKLAH DENGAN MENGUSAHAKAN BUMI MALAYSIA YANG BERTUAH INI DENGAN CARA YANG BOLEH MEMBERIKAN PULANGAN HASIL YANG MAKSIMUM, SECARA TERSUSUN DAN TERATUR.

MENGENAI PROJEK SAWAH BERSEPADU ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA MERUPAKAN PROJEK CONTOH YANG BAIK UNTUK MEMBUKTIKAN KEBAIKAN DAN FAEDAH KEBERANIAN PARA PESERTANYA MENERIMA PERUBAHAN DAN PEMODENAN DALAM MENGUSAHAKAN SAWAH. -- LAGI.

2108MST 28 03 86

D752

U B286 DEB
PM - PERUBAHAN 3 KOTA BAHARU R R R

PERDANA MENTERI MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) ATAS KEJAYAAN PROJEK ITU DAN KEPADA 170 ORANG PEMILIK SAWAH ITU YANG DIHARAPKANNYA AKAN DICONTOKI OLEH PARA PEMILIK SAWAH LAIN DI NEGERI INI.

SAWAH-SAWAH SELUAS KIRA-KIRA 44 HEKTAR ITU (BAGI FASA PERTAMA PROJEK) TELAH DIUSAHAKAN DENGAN TEKNIK PERTANIAN MODEN DI BAWAH KELOLAAN KADA MULAI APRIL TAHUN LEPAS TELAH MENGHASILKAN PADI SEHINGGA TUJUH TAN SEHEKTAR BERBANDING DENGAN TIGA TAN SEBELUMNYA.

PROJEK ITU YANG MEMBABITKAN HANYA 20 TENAGA KERJA TELAH DIUSAHAKAN SECARA LEBIH EKONOMIK DI BAWAH PROGRAM HALACARA BARU PEMBANGUNAN PERTANIAN DAN SOSIO-EKONOMI DAN KADA AKAN MEMAJUKAN SELUAS KIRA-KIRA 200 HEKTAR LAGI SAWAH DI SITU MULAI MUSIM PENANAMAN AKAN DATANG.

MELALUI PROJEK BERSEPADU ITU SAWAH-SAWAH TERBABIT TELAH DISUSUN SEMULA PETAK-PETAKNYA BAGI DISESUAIKAN DENGAN PENGGUNAAN JENTERA MODEN DAN BAGI MEMBOLEHKAN KADA MENYEDIAKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR TANI SEPERTI JALAN LADANG, TALI AIR, PINTU MASUK DAN PINTU KELUAR AIR BAGI SETIAP PETAK SAWAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PROJEK ITU JUGA TELAH MENJIMATKAN PENGGUNAAN TENAGA KERJA YANG MEMBOLEHKAN PETANI-PETANI LAIN MENUMPUKAN MASA DAN TENAGA KEPADA USAHA LAIN SEPERTI MENTERNAK DAN INDUSTRI KECIL UNTUK MENAMBAHKAN PENDAPATAN MEREKA. -- LAGI.
2111MST 28 03 86

U B287 DEB
PM - PERUBAHAN 4 KOTA BAHARU R R R

SEBELUM ITU, KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS YANG SAMA, MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMED YAACOB MENOLAK DAKWAAN PIHAK TERTENTU KONONNYA KERAJAAN BERNIAT UNTUK MERAMPAS ATAU MENGAMBIL BALIK TANAH SAWAH YANG DIMAJUKAN DI BAWAH PROJEK ITU.

KATANYA, TANAH YANG DIUSAHAKAN DENGAN HALACARA BARU PERTANIAN ITU BERTUJUAN TIDAK LAIN TIDAK BUKAN UNTUK MENINGGIKAN TARAF HIDUP PARA PETANI DAN MENAMBAHKAN PENDAPATAN MEREKA SEJAJAR DENGAN CITA-CITA KERAJAAN UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN DAN KEMUNDURAN. --
BERNAMA.
2112MST 28 03 86